AP juga berkesan terhadap penyakit malaria dalam kajian (*in vivo*) yang menunjukkan xanton (dos 30 mg/kg) daripada akar AP menghasilkan penurunan tahap parasitaemia (62 %) jangkitan *Plasmodium berghi* pada mencit Swiss Albino (Dua *et al.*, 2004).

1.3 Kandungan *Andrographis paniculata*

1.3.1 *Diterpena*

Kajian menunjukkan diterpena ialah bahan penting tumbuhan yang mempunyai unsur perubatan. Diterpena terdiri daripada kumpulan

isoprena bertakat didih tinggi yang dikenali sebagai resin, suatu bahan yang tinggal selepas proses penyulingan.

Bahan diterpena yang terdapat pada AP ialah andrografolida, andrografisida dan neo-andrografolida. Peratusan setiap kumpulan masing-masing berbeza iaitu 0.61, 0.68 dan 0.70 % (Calabrese *et al.*, 2000). Pada daun, kandungan andrografolida ialah 1.0 %, deoksiandrografolida ialah 0.61 % dan neo-andrografolida hanya 0.26 %. Aras diterpenoid pada bahagian batang tumbuhan ialah 2 kali lebih tinggi daripada akar.

Kandungan diterpena lain ialah deoksi-didehidroandrografolida, deoksi-ozoandrografolida, deoksiandrografolida, dideoksiandrografolida, andrografisida, deoksi-methoksiandrografolida, dideoksiandrografolida, deoksiandrografisida dan saponin (Cheung *et al.*, 2001; Du *et al.*, 2003; Jain *et al.*, 2000).

Daripada pelbagai sumber herba, diterpena didapati mempengaruhi pelbagai aktiviti farmakologi iaitu sebagai agen tindak balas penurunan bagi heksabarbital atau fenobarbital semasa tidur, menghalang enzim bagi metabolisme drug, bertindak sebagai antiperoksida pada hati, selain memberikan kesan koleretik dan antikoleretik pada haiwan (Kapil *et al.*, 1993).

Banyak kajian telah dilakukan menunjukkan bahan diterpena daripada tumbuhan mempunyai aktiviti antileukemia, antimitotik, antimutagenik dan antikarsinogenik.


Bahan diterpena seperti kahweol dan cafestol yang terdapat pada biji kopi menggalakkan tindakan kebanyakan subunit enzim GST seperti GST α , GST μ , GST π dan GST X, serta sistem enzim UGT seperti UGT 1 dan UGT 2. Diterpena juga didapati meningkatkan aras GSH dan γ -glutamil-sisteina-sintetase (Huber *et al.*, 2003). Diterpena fenolik seperti karnosol atau asid karnosik telah menunjukkan perubahan enzim metabolisme xenobiotik.

1.3.1 (a) *Andrografolida (AND)*

Andrografolida (AND) ialah bahan aktif utama *Andrographis paniculata*. Ia menyumbang 1 % daripada berat kering AP (Calabrese *et al.*, 2000). AND boleh diekstrak daripada bahagian aerial AP melalui pengekstrakan menggunakan pelarut alkohol atau dengan larutan alkali (Tang & Eisenbrand, 1992). Struktur AND terdiri daripada gelang γ -lakton yang dihubungkan pada sistem gelang dekalin melalui moiety C_2 tak tepu. Hidrolisis AND, iaitu pemecahan pada gelang lakton, menghasilkan garam asid andrografolida yang boleh ditukarkan kepada andrografolida melalui pengasidan (Tang & Eisenbrand, 1992) (Rajah 1.2).

Perbezaan kandungan AND pada AP bergantung pada bahagian tumbuhan atau masa. Pada daun, kandungan AND lebih tinggi (2.6 %) daripada bahagian batang (0.1-0.4 %). Manakala berdasarkan masa,

kandungan sebelum berbunga (2 %) lebih tinggi daripada kandungan selepas berbunga iaitu (0.5 %) (Calabrese *et al.*, 2000). Oleh sebab perbezaan kandungan AND di setiap bahagian tumbuhan ini, maka disyorkan penggunaan keseluruhan tumbuhan untuk perubatan (Cheung *et al.*, 2001). AND telah didapati menghalang penghasilan oksigen radikal bebas dan seterusnya menghalang penyakit inflamasi. Ia juga menghalang apoptosis sel endothelium melalui pengaktifan



Rajah 1.2 Rajah menunjukkan struktur andrografolida (AND) merupakan bahan bioaktif penting yang terdapat pada AP.

tindak balas fosfatidil inositol-3-kinase/Akt iaitu isyarat antiapoptosis (Chen *et al.*, 2004). Di samping itu, AND mengurangkan kesan toksik parasetamol yang dihasilkan oleh enzim (GOT, GPT dan alkalin fosfatase) pada serum terutama pada sel hepatic yang dipencilkan. Andrografolida lebih berkesan daripada silimarin, iaitu agen perlindungan hepar piawai (Visen *et al.*, 1993).

1.3.1 (b) *Neoandrografolida*

Neoandrografolida ialah diterpena glukosida yang merupakan β -glukosida bagi ent-9-hidroksi-8 (17), 13-labdadien-16,15-olide. Suatu korelasi komponen ini dengan andrografolida telah dibuat (Chan *et al.*, 1971). Kajian oleh Kapil *et al.* (1993) menunjukkan neoandrografolida (100 mg/kg i.p.) membantu mengawal aras glutation dalam keadaan normal. Aglikon bagi neoandrografolida ialah dideoksiandrografolida (Tang & Eisenbrand, 1992).

1.3.1 (c) *Dehidroandrografolida*

Kajian *in vitro* menunjukkan dehidroandrografolida mempunyai aktiviti terhadap 'human immunodeficiency virus' (HIV) (Cheung *et al.*, 2001).

1.3.2 Kandungan lain

AP juga mengandung flavonoid yaitu orozilin, wogonin, andrografidine A dan andandrografidine B, C, D, E and F (Tang & Eisenbrand, 1992). Hal ini membuktikan AP menghasilkan 3 flavon yaitu (a)5-hidroksi-7, 8, 2'-trimetoksi-5, (b)2'-dihidroksi-7, 8-dimetoksi, dan (c) 5-hidroksi-7,8-dimetoksi-flavon (Jalal *et al.*, 1979). Pemencilan flavanon glikosida yaitu andrografidin A dan flavon glikosida andrografolidin B,C,D,E dan F daripada akar AP (Thang & Eisenbrand, 1992).

Flavonoid dikenal pasti daripada AP ialah 5,7,2',3'-tetrametoksiflavon, 5-hidroksi-7,2',3'-trimetoksiflavon, flavonoid 5-hidroksi-7,8-dimetoksiflavon dan 5-hidroksi-3,7,8,2'-tetrametoksiflavon, 5-hidroksi-7,8-dimetoksiflavon (Gupta *et al.*,1983). Andrografisida ialah glukosida bagi andrografolida (Tang & Eisenbrand, 1992).

1.4 Kaedah Analisis Ekstrak *Andrographis paniculata*

Pada hari ini banyak kajian dijalankan untuk menganalisis kandungan ekstrak AP. Antara peralatan yang telah digunakan untuk analisis AP ialah Kromatografi Lapisan Nipis (TLC), UV-Spektrofotometer, 'chemiluminescence' dan Kromatografi Cecair

Tekanan Tinggi (HPLC). Kaedah menggunakan 'Thin Layer Chromatography' memerlukan masa selama 1-3 jam. Manakala kaedah spektrofotometer menghasilkan keputusan bacaan ultra lembayung (UV) 94% daripada nilai sebenar. Kaedah 'chemiluminescence' menghasilkan keputusan secara tidak langsung kerana pengesanan cahaya yang stabil terbentuk melalui pembentukan kompleks luminol- $H_2O_2-Co^{2+}$.

Pemisahan melalui kaedah HPLC menggunakan kolom 'spherical silica' (berukuran 3.9 mm X 15 sm) hanya mengambil masa 3 minit. Cheung *et al.*, (2001) mengemukakan kaedah kromatografi elektrokinetik 'micellar' (MEKC) dan berjaya menjalankan pemisahan untuk menentukan kuantiti andrografolida, deoksiandrografolida dan neoandrografolida. Du *et al.*, (2003) menganalisis andrografolida dan neoandrografolida daripada daun AP menggunakan kromatografi 'counter-current'. Pengesanan struktur menggunakan kaedah spektrometri jisim semburan elektro (elektrospray MS), spektroskopi resonan magnet nukleus (NMR) 1 dimensi, 'dichroism' sirkular, penyebaran optikal rotasi dan optikal rotasi spesifik.

1.5 Dos *Andrographis paniculata*

Berdasarkan Duke *et al.*, (2000) dos AP yang disyorkan ialah 1.5-6.0 g berat kering /hari atau 3-12 mL larutan ekstrak (1:2). Kajian

toksikiti terhadap haiwan telah membuktikan penggunaan cara tradisional bahan AP dan terbitan yang lain adalah selamat (Calabrese *et al*, 2000). Wang (1983) melaporkan dos maut (LD_{50}) keseluruhan diterpena lakton pada mencit ialah 13.4 g/kg. LD_{50} bagi deoksi-, neo-, atau dehidro-andrografolida melebihi 20 g/kg, dan LD_{50} bagi andrografolida melebihi 40 g/kg (Calabrese *et al.*, 2000). Thamlikitkul *et al.* (1991) melaporkan sebanyak 9-15 g serbuk herba ini boleh menghasilkan 90-150 mg andrografolida sehari. Ujian klinikal pula telah menggunakan dos yang lebih tinggi iaitu 2.25-22.5 mg/kg berat badan atau melebihi 1500 mg pada subjek 70 kg sehari (Calabrese *et al.*, 2000).

1.6 Hepatotoksikiti

Kajian hepatotoksikiti telah mendapat perhatian ramai kerana kejadian pengumpulan toksin telah menyebabkan timbulnya penyakit hepar dan seterusnya penyakit lain seperti rheumatoid arthritis, ekzema, migrain, sindrom prahaid dan lain-lain. Sistem kompleks enzim iaitu anilinhidroksilase, *N*-demetilase dan *O*-demetilase hadir pada mikrosom atau endoplasmik retikulum pada hepatosit mamalia. Sistem ini memainkan peranan penting dalam proses biotransformasi bahan xenobiotik. Antara aktiviti enzim ini ialah mengubah sesuatu bahan menjadi bahan biologi aktif atau sebaliknya di dalam badan (Choudhury

et al., 1987). Apabila penyakit hepar berlaku, penurunan aktiviti bagi enzim UDP-glukuronosiltransferase, sulfotransferase, asetiltransferase, glutathion S-transferase dan semua enzim sitosolik serta enzim mikrosom akan berlaku (Pacifci *et al.*, 1990).

Peningkatan separuh hayat drug pada hepar yang cedera adalah disebabkan perubahan aktiviti enzim Fasa I dan II. Pada pesakit sirosis, separuh hayat drug morfin dan oksazepam didapati berada pada aras yang lebih rendah daripada separuh hayat parasetamol dan kloramfenikol. Hal ini kerana morfin dan oksazepam masing-masing memerlukan proses metabolisme yang lebih kompleks (Pacifci *et al.*, 1990).

1.7 Kerosakan Hepar Disebabkan Tetraklorokarbon (CCl₄)

Antara bahan kimia yang boleh menyebabkan kerosakan hati ialah tetraklorokarbon (CCl₄). Enzim sitokrom *P*-450 (CYP) merupakan enzim penggalak bagi karsinogen. Kehadiran enzim sitokrom *P*-450 mono-oksigenase telah diketahui menggalakkan pembentukan radikal bebas iaitu triklorometil (Teyssier *et al.*, 2001).

Kehadiran oksigen radikal bebas boleh menambah kesan buruk iaitu mengalkil sel protein (termasuk sitokrom *P*-450) dan makromolekul. Bahan ini bertindak serentak terhadap asid lemak politattepu untuk menghasilkan lipid peroksida. Nekrosis berlaku pada

hepar kerana terhasilnya metabolit bersifat reaktif elektrofilik. Metabolit ini boleh menarik atom hidrogen daripada lipid, membentuk lipid yang mengandungi karbon tengah yang radikal. Kajian menunjukkan lipid pada hepar mencit yang telah bertindak balas dengan tetraklorokarbon dan tert-butilhidroperoksida (tBHP) mengandungi bahan peroksida. Bahan ini boleh menggalakkan proses peroksida atau berkonjugat dengan glutathion pada hepar. Keadaan kerosakan hepar ini menyebabkan pengurangan glutathion diikuti dengan kemunculan kerosakan hepar. Keadaan ini boleh ditentukan melalui peningkatan aras enzim pada serum (Kapil *et al.*, 1993). Peningkatan yang ketara aktiviti enzim-enzim SGOT, SGPT, LDH, alkali fosfatase, sorbitol dan glutamate dehidrogenase dalam tempoh 24 jam pendedahan mencit terhadap satu dos tetraklorokarbon telah menunjukkan kecederaan sel hepar (Kapil *et al.*, 1993; Bishayee *et al.*, 1995). Selain sebatian CCl₄, drug parasetamol boleh menyebabkan penurunan peratusan sel viabel dan perubahan parameter biokimia pada hepatosit yang dipencilkan.

1.8 Penggunaan *Andrographis paniculata* (AP) untuk Merawat Toksik Hepar.

Kajian oleh Kapil *et al.* (1993) menunjukkan AP memberikan perlindungan pada hepar mencit daripada kesan toksik oleh sebatian karbon tetraklorida. Ekstrak daun AP juga telah dilihat mempunyai

kesan perencatan atau penggalak fungsi oksidase (Choudhury *et al.*, 1987).

Pemberian secara intraperitoneal bagi andrografolida (I), andrografisida (II) dan neoandrografolida (III) telah merencat pembentukan malondialdehyde (MDA) hepatic.

Kecederaan hepar menyebabkan berlaku gangguan fungsi pengangkutan enzim hepar, hasil daripada gangguan ketelapan membran plasma. Keadaan ini menyebabkan pengurangan aras enzim dalam sel dan sebaliknya peningkatan aras enzim dalam plasma (Visen *et al.*, 1993).

1.9 Metabolisme Drug

Drug akan melalui proses metabolisme yang melibatkan Fasa I dan Fasa II pada manusia. Sifat kerintangan sistem biologi terhadap bahan kimia karsinogen sebahagiannya dikawal oleh keseimbangan antara sistem enzim Fasa 1 (bersandarkan sitokrom *P*-450 atau mono-oksigenase) dengan Fasa II melibatkan enzim UDP-glukuronosiltransferase (UGT), glutathion S-transferase (GST) dan quinone reductase (Kusamran *et al.*, 1998).

Kebanyakan drug yang melalui Fasa I akan terlibat dengan tindak balas oksidasi, reduksi, hidrolisis atau hidrasi, iaitu perubahan kumpulan fungsi seperti OH, NH₂ atau COOH. Tindak balas ini akan meningkatkan polariti drug dan keaktifan drug untuk seterusnya menjalani tindak balas dalam fasa seterusnya, Fasa II (Gibson & Skett, 1986).

Metabolisme drug Fasa II memainkan peranan penting dalam proses detoksifikasi. Kebanyakan drug yang telah melalui Fasa I akan melalui Fasa II iaitu tindak balas konjugasi yang melibatkan proses glukuronidasi, glikosida, sulfurasi, metilasi dan lain-lain. Konjugasi glukuronida merupakan tindak balas konjugasi yang utama di dalam badan. Ia melibatkan perubahan xenobiotik atau bahan endogenus kepada metabolit larut air yang polar (bahan hidrofilik). Konjugat glukuronida yang terhasil di lumen endoplasmik retikulum bercas, larut air, dengan berat molekul yang tinggi (300-1000 Da). Konjugat akan berpindah secara aktif pada hempedu melalui membran 'canalicular' oleh pengangkut 'multiple organic anion' (Banhegyi *et al.*, 1996). Tindak balas ini menghasilkan produk yang lebih larut air untuk dikeluarkan daripada badan melalui urin atau hempedu melalui tinja. Keadaan ini merupakan laluan yang penting dalam proses nyah toksin daripada badan. Sama ada UDP-glukuronosiltransferase (UGT) atau glutathione S-transferase (GST), kedua-duanya merupakan enzim penting dalam proses nyah toksin daripada badan haiwan (Teyssier *et al.*, 2001).

1.10 Faktor Mempengaruhi Metabolisme Drug

Antara faktor yang mempengaruhi metabolisme drug termasuklah faktor dalaman dan luaran. Contoh faktor dalaman ialah spesis, seks, umur, hormon, kehamilan, penyakit dan lain-lain.

Antara faktor luaran termasuklah diet dan persekitaran. Faktor diet adalah seperti protein, lemak, karbohidrat, vitamin, unsur surih dan lain-lain. Vitamin A, B, C dan E penting untuk mengawal tahap metabolisme drug yang normal. Vitamin C memberikan kesan pada sitokrom *P-450* secara tidak langsung. Vitamin C juga terlibat untuk mengawal keutuhan struktur membran endoplasmik retikulum.

Faktor persekitaran adalah seperti melibatkan pendedahan pada bahan cemar seperti hasil petroleum, pirolisis dan logam berat, faktor pH, suhu dan lain-lain lagi.

Enzim yang bertanggungjawab dalam tindak balas konjugasi glukuronida terhadap drug ialah UDP-glukuronosiltransferase.

1.11 Kajian Kinetik

Kajian kinetik ialah untuk memahami keadaan semulajadi tapak aktif bagi enzim dan tindak balas enzim pada persekitaran fisiologi. Tindak balas pemangkinan enzim dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya ialah

kepekatan enzim, kepekatan ligand (substrat, produk, perencat dan pengaktif), pH, kekuatan ionik dan suhu (Houston *et al.*, 2003).

K_m adalah afiniti enzim pada substrat, dan menentukan enzim melalui ketepuan *in vivo*. Kajian kinetik boleh menyediakan maklumat mengenai mekanisme tindakan enzim. Kehadiran penggalak dan bahan modulator semulajadi boleh dikesan. Enzim dari pelbagai sumber boleh dibuat perbandingan kerana nilai K_m adalah sama bagi enzim (Houston *et al.*, 2003).

Dalam kajian kinetik, keadaan mantap (steady-state) mengandaikan bahawa $[S]$ 'total' = $[S]$ 'free', maka $[S] \gg [ES]$ dan pembentukan kompleks enzim substrat tidak merubah kepekatan substrat. Keadaan ini boleh berlaku jika $[S] \gg [E]$ atau $K_m \gg [E]$. Keadaan ini umum berlaku mengguna enzim dari mikrosom bagi kajian kinetik (Houston *et al.*, 2003).

Persamaan Michaelis Menten (MM) memperihalkan perhubungan hiperbolik antara halaju awal tindak balas dengan kepekatan substrat. Kinetik MM pada suatu tindak balas melibatkan enzim dan substrat dalam keadaan yang seimbang pada komplek enzim-substrat tanpa dipengaruhi oleh kepekatan hasil pada awal tindak balas (Bergmeyer, 1983)

Nilai K_m dan V_{mak}/K_m bagi tindak balas melibatkan sesuatu substrat ialah parameter terbaik bagi pengukuran spesifikasi enzim terhadap molekul xenobiotik (Burchell *et al.*, 1995). Kinetik bagi proses glukuronidasi *p*-nitrofenol disaksikan melalui kepekatan UDPGA yang rendah diperlukan untuk tindak balas dengan enzim UGT tikus belanda.

1.12 Uridin Difosfat -Glukuronosiltransferase (UGT)

1.12.1 *Pengenalan*

UDP glukuronat β -D-glukuronosiltransferase (UGT) (EC 2.4.1.17) ialah enzim glikoprotein. Enzim UGT ialah enzim yang penting dalam proses glukuronidasi iaitu tindak balas utama bagi proses biotransformasi dan detoksifikasi metabolisme drug Fasa II pada haiwan vertebrata (Banhegyi *et al.*, 1995; Grancharov *et al.*, 2001). Substrat bagi enzim ini diketahui tidak spesifik (Falany *et al.*, 1987).

1.12.2 *Struktur Molekul dan Subunit UGT*

Berat molekul monomer bagi enzim UGT yang telah dipisahkan berbeza iaitu dari 50 kDa hingga 60 kDa. Multi isomer UGT telah diklasifikasikan kepada dua famili, iaitu UGT1 dan UGT2. Kepelbagaian aktiviti bagi isomer UGT ini memberikan kepentingan bagi setiap isoenzim (Brunelle *et al.*, 1996). Bentuk isomer utama UGT yang ditemui daripada tikus ialah 1A1, 1A6, 2B1 dan 2B12 (Narayanan *et al.*, 2004). Aktiviti UGT yang ditentukan dengan menggunakan *p*-nitrofenol sebagai substrat dipercayai melibatkan isomer 1A6. Isomer ini terlibat

secara aktif dalam proses nyah toksin bahan kimia yang bersifat karsinogen seperti hidrokarbon polisiklik dan kumpulan amina aromatik heterosiklik (Bock *et al.*, 1983). Famili multi-gen mengkod beberapa enzim UGT yang memangkin aktiviti metabolisme ini (Tephly & Burchell, 1990). Isoenzim yang terikat pada membran ini ialah famili multigen (Grancharov *et al.*, 2001).

1.12.3 Kedudukan UGT

UGT merupakan kumpulan isoenzim yang terikat pada membran. Enzim ini ditemui dalam kebanyakan organ mamalia iaitu hepar, ginjal, usus kecil, paru-paru, kulit, adrenal, limfa dan otak (Narayanan *et al.*, 2004). Walau bagaimanapun aktiviti yang tinggi terdapat pada hepar. Enzim ini terdapat pada endoplasmik retikulum (Grancharov *et al.*, 2001) terutamanya pada fraksi membran (Banhegyi *et al.*, 1995). Kajian oleh Fulceri *et al.* (1994) juga menyokong hipotesis bahawa pemetakan intravesikular merupakan tapak pengaktifan UGT pada mikrosom. Kajian menunjukkan kebanyakan enzim terdapat pada lumen endoplasmik retikulum dan trans-membran berhampiran terminal karboksi. Orientasi luminal tapak aktif UGT membuktikan terdapat sekurang-kurangnya dua sistem pengangkutan membran bagi mengangkut ko-substrat yang bercas tinggi seperti UDPGA daripada sitoplasma, iaitu tempat ia disintesis, kepada lumen ER dan seterusnya

mengangkut hasil glukuronidasi daripada lumen ke sitoplasma (Kauffman, 1994).

1.12.4 Tapak Aktif UGT

Pelbagai terbitan UDP menunjukkan perbezaan dari segi keupayaan menghalang aktiviti UGT yang mempunyai tapak aktif yang berbeza (Noort *et al.*, 1990). UDP-asid glukuronik (UDPGA) berhubung dengan residu pada kedua-dua domain terminal N- dan C-, manakala tapak pengikatan aglikon terdapat pada domain terminal N-. Asid amino yang dikenal pasti penting sebagai tapak pengikatan dan pemangkinan substrat ialah arginina, lisina, histidina, prolina dan residu mengandungi asid karboksilik. Perkembangan dalam pemilihan perencat bagi isomer UGT membantu kajian tapak aktif bagi enzim ini (Grancharoc *et al.*, 2001)

1.12.5 Substrat UGT


UGT bertindak terhadap pelbagai substrat, antaranya ialah endogen dan eksogen yang berperanan aktif secara farmakologi. Substrat-substrat ini juga merupakan bahan nukleofilik yang mempunyai kumpulan berfungsi terkandung oksigen, nitrogen, sulfur dan karbon pada hepar (Kauffman, 1994). Telah diketahui bahawa

berlakunya selektiviti substrat mengikut konformasi struktur enantiomer atau stereo isomer bagi kebanyakan drug manusia (Kauffman, 1994). Isomer enzim ini mempunyai spesifisiti substrat yang bertindan iaitu beberapa isomer UGT mempunyai aktiviti terhadap *p*-nitrofenol (Brunelle *et al.*, 1996). Proses glukuronidasi terhadap testosteron dan steron melibatkan isomer enzim UGT yang berlainan daripada tikus. Antara bahan penerima atau substrat dalam tindak balas glukuronidasi ialah bahan fenol seperti (propofol, nalokson, parasetamol), alkohol (kloramfenikol, kodeina, oksazepam) amina alifatik (ciclopiroxolamine, lamotriptyline), atom karbon asidik (sulfinpirazon, feprazone) dan asid karbosilik (naproxen) (Brunelle *et al.*, 1996).

Kajian melalui profil kromatofokusi menunjukkan proses glukuronidasi melibatkan testosteron, steron, androgen, androsteron, dihidrotestosteron, 1-naftol, morfina, *p*-nitrofenol, 2-aminofenol dan 2-aminobenzoat sebagai substrat oleh sebab enzim UGT dalam bentuk 'pl rendah' (Falany *et al.*, 1987). Melalui kajian ekspresi cDNA, didapati sebanyak 350 bahan telah dikenal pasti sebagai substrat bagi isomer enzim ini (Tukey *et al.*, 2000). Asparagina (Asp 446) ialah asid amino yang perlu terlibat dengan aktiviti enzim isoform UGT1A6 (Iwano *et al.*, 1997). Bilirubin telah digunakan sebagai substrat prob pilihan bagi UGT1A1 dan 4-metilumbelliferon (4MU) pula ialah substrat prob bagi UGT1A6 (Peters *et al.*, 2003).

1.12.6 Tindak balas Enzim UGT

Enzim UGT memangkin proses glukuronidasi yang melibatkan pemindahan asid glukuronik daripada asid uridina 5'-difosfat-D-asid glukuronik (UDPGA; ko-faktor) kepada tapak nukleofilik pada molekul penerima iaitu substrat yang mengandungi kumpulan hidroksi-, amino-, karboksi- atau kumpulan sulfhidril untuk menghasilkan konjugat glukuronida yang larut air iaitu β -(D)-glukuronida (Falany *et al.*, 1987; Kauffman, 1994; Grancharov *et al.*, 2001). Molekul substrat penerima termasuklah xenobiotik seperti ubat-ubatan, pestisid serta bahan endogenous seperti steroid dan bilirubin, hasil daripada tindak balas oksidasi oleh enzim oksidase atau aglikon lipofilik.



R-X merupakan xenobiotik atau endobiotik manakala X merupakan kumpulan berfungsi yang akan menerima asid glukuronik (UDPGA) seperti OH, COOH, amino, kumpulan sulfur dan karbon tengah. Enzim ini akan menyerang atom C1 pada gelang asid piranosa pada UDPGA untuk pembentukan konjugat glukuronida asid β -D-glukupiranosiduronik (Kauffman, 1994). Atom karbon 1 asid glukuronik pada UDPGA adalah dalam kedudukan konfigurasi α dan semasa

pemindahan substrat penerima, berlaku inversi menghasilkan pembentukan konfigurasi β (Choudhury *et al.*, 1987).

1.12.7 Kepentingan Aktiviti UGT

Berlakunya tindak balas glukuronidasi yang menghalang aktiviti biologi kebanyakan bahan di dalam badan (Kauffman, 1994). Hasil tindak balas ini penting untuk penyahaktifan bahan toksik menjadi konjugat glukuronida yang kurang toksik dan larut air serta lebih mudah dikeluarkan daripada badan berbanding drug yang asal (Kauffman, 1994; Falany *et al.*, 1987). Fungsi perlindungan sel ini berlaku adalah dengan menghalang pengumpulan bahan xenobiotik yang bertoksik di dalam tubuh; ia menghalang bahan xenobiotik ini menjadi bioaktif dan menjadi bahan perantara yang lebih bertoksik (Green & Tephly, 1996). Hasil konjugat glukuronida ini dinyah daripada tubuh sama ada melalui urin atau hempedu dan seterusnya ke bahagian usus. Pada bahagian usus, hasil konjugat dikeluarkan melalui tinja atau dihidrolis oleh enzim β -glukuronidase daripada bakteria dalam usus yang akan menghasilkan drug asal untuk diserap kembali oleh sistem peredaran darah (Narayanan *et al.*, 2004). Proses ini dikenali sebagai kitaran enterohepatik.

1.12.8 Faktor Mempengaruhi Aktiviti Pemangkinan UGT

1.12.8 (a) Lipid dan Jantina

Aktiviti pemangkinan UGT dipengaruhi oleh kehadiran lipid (fosfolipid) (Gibson & Skett, 1986). Aktiviti UGT natif pada mikrosom tikus jantan ialah 47% lebih tinggi daripada tikus betina kerana perbezaan kandungan asid lemak pada struktur membran. Membran mikrosom tikus jantan terdiri daripada asid oleik dan linolik yang tinggi manakala mikrosom tikus betina mengandungi tahap asid stearik dan dekohezanoik yang lebih rendah. Komposisi bendalir membran, fosfolipid dan nisbah kolesterol / fosfolipid tikus jantan dan tikus betina adalah sama. Keputusan ini menunjukkan perbezaan aktiviti enzim UGT bergantung pada jantina kerana perbezaan jumlah dan tahap fungsi enzim (Catania *et al.*, 1995).

1.12.8 (b) Farmakokinetik Drug

Kadar glukuronidasi mempengaruhi tindakan farmakokinetik drug. Glukuronida yang dilihat pada awalnya bertindak mengaktifkan UGT pada membran natif telah didapati merencat aktivitinya selepas rawatan dengan detergen TritonX-100. Keadaan ini menunjukkan kesan kawalan UGT oleh detergen TritonX-100 bergantung pada membran;

produk ini mempunyai kesan allosterik pada enzim permease yang kesannya akan hilang apabila berlaku gangguan membran (Kasper & Henton, 1980). UDP-N-asetilglukusamina (UDP-Ace) merupakan pengawal bagi enzim UGT *in vivo*, iaitu meningkatkan konjugasi bertanding dengan UDP. Apabila kepekatan detergen rendah, keupayaan untuk meningkatkan sifat pendam enzim berkurang dan oleh sebab itu UDP-Ace akan menghalang tindak balas. Jika kepekatan detergen tinggi, kehadiran gula nukleotida tidak memberikan kesan (Kasper & Henton, 1980). 3-metilolantrina atau fenobarbital meningkatkan aktiviti UGT (Mottino *et al.*, 1991).

1.12.8 (c) *Ekspresi UGT*

Kadar metabolisme drug juga dipengaruhi oleh faktor pengekspresan UGT (Burchell, 1999).

1.12.8 (d) *Gangguan pada Membran*

Membran mikrosom memainkan peranan penting mempengaruhi kesampaian substrat pada tapak aktif enzim UGT. UDPGA bertindak sebagai ko-faktor dalam tindak balas glukuronidasi memasuki membran mikrosom secara resapan lemah. Perkara ini berkait dengan enzim